

# PM nafi De Lima Resort bunuh pengusaha calet

U.M. 26 OCT 1992

LANGKAWI 25 Okt.- Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir mengingatkan pengusaha-pengusaha calet di sini mereka hanya membunuh diri sendiri jika mengenakan sewa terlalu tinggi tetapi memberikan perkhidmatan buruk kepada pelancong.

Sehubungan itu beliau menolok dakwaan pengusaha-pengusaha tersebut bahawa pembinaan De Lima Resort, tempat penginapan berharga sederhana, sebagai usaha untuk membunuh pengusaha calet tempatan.

Sebaliknya, kata beliau, pembinaan tempat penginapan tersebut adalah untuk menjaga kepentingan serta memajukan lagi sektor pelancongan di Langkawi.

Bercakap kepada pemberita sempena lawatan sehari sun-tuk meninjau projek pembangunan di Langkawi semaiam, Perdana Menteri kesal kerana ada pengusaha calet yang mengenakan sewa terlalu tinggi tetapi perkhidmatan yang diberi tidak memuaskan.

Menurutnya, ada calet da-

lam keadaan tidak selesa dan pengusaha pula mengalirkan sisa kotoran ke laut menyebabkan pantai menjadi kotor.

Kata Perdana Menteri, sewa yang tinggi dan keadaan tidak selesa ini akan menyebabkan pelancong tidak datang untuk kali kedua.

"Jadi apabh gunanya mencari keuntungan segera tetapi pelancong tidak puas hati dan dengan itu pelancong tidak datang lagi," kata Perdana Menteri.

Beliau juga mengingatkan jika pelancong tidak mendapat tempat yang selesa dan sewa pula tinggi, industri pelancongan di Langkawi akan mati.

Perdana Menteri memberikan contoh De Lima Resort, tempat penginapan yang sekalipun hanya mengenakan bayaran antara \$55 hingga \$100 sehari masih mampu menyediakan tempat kediaman yang selesa untuk pelancong.

"Ini wajar dijadikan contoh oleh pengusaha calet dan bukan menuduh pembinaan De Lima membunuh perusahaan mereka," kata beliau.

Menurutnya, jika ada sesiapa yang membunuh pengusaha calet ini, ia adalah mereka sendiri.

Perdana Menteri mengingatkan pengusaha calet, peluang perniagaan yang mereka peroleh sekarang adalah atas usaha kerajaan membangunkan Langkawi.

"Kerajaan sehingga ini sudah membelanjakan \$1,000 juta untuk pembangunan Langkawi," kata beliau.

Menurutnya, kerajaan sedia membantu pengusaha calet memperbaiki mutu perkhidmatan dan penyediaan kemudahan jika mereka mahu mengubah s i k a p .

Kata beliau, bantuan ini boleh diberi dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Langkawi (LADA) dan MARA.

Perdana Menteri menegaskan, masa depan Langkawi sebagai pusat pelancongan terserlah memandangkan semakin ramai pelancong datang ke pulau itu.

Buktinya, kata beliau, Penerbangan Malaysia (MAS) kini mengadakan 12 penerba-

ngan dari Kuala Lumpur ke Langkawi berbanding dengan hanya tujuh sebelum ini.

Dalam lawatan sehari sun-tuk kelmarin, Perdana Menteri antara lain melawat projek peranganin Teluk Datai di mana sebuah hotel 120 bilik berharga \$70 juta sedang dibina.

Beliau juga melawat projek "Barter Trade" di Teluk Ewa, perkampungan Air Hangat, Gunung Raya, De Lima Resort, Bukit Malut, projek pengambil balik tanah di Kuah, jeti Kuah dan tapak Lima.

Sewaktu ketibaannya di lapangan terbang, Perdana Menteri diberikan taklimat cadangan pembinaan Dewan Persidangan Lima oleh Arkitek Ariffin Mohamad dari Firma Ariffin dan Sekutu.

Beliau juga diberikan taklimat mengenai sistem pembentangan Hi-Kleen (yang bakal diperkenalkan di Langkawi), oleh Pengarah Urusan Pembinaan Jayabumi Sdn. Bhd., Ahmad Johan.